

Implementasi Aktiviti *Mock Interview* sebagai Kaedah Berkesan Meningkatkan Kemahiran Keboleherjaan dan Persediaan Kerjaya Pelajar

Nur Angriani Nurja
Kolej Komuniti Tawau
nurangriani@gmail.com

Mohd Zulhasnan Mat
Kolej Komuniti Tawau
mohdzulhasnan@gmail.com

Abstract

This study aims to identify the level of achievement for the implementation of mock interview activities as a method to improve employability skills and career preparation of students at Tawau Community College. Mock interview is one of the researcher's initiatives as a lecturer in subject of MPU 1231 Kemahiran Insaniah. A total of 110 students who took the MPU 1231 Kemahiran Insaniah course became the respondents of the study. The implementation of mock interview plays an important role as an indicator to further improve student's employability skills in the preparation and development of their careers after graduation. This research instrument is a set of questionnaires that has 10 items. The reliability of the research instrument was tested in a previous pilot study by showing a high reliability value of $\alpha = 0.90$. Furthermore, the data obtained were analyzed using SPSS software (Statistical Package for Social Science, Version 24.0) to obtain descriptive and inferential analysis. The findings of the study show that the overall mean of the implementation of the implementation of the interview simulation is high, namely the mean score value of 4.24. However, through t-test analysis, it was found that there was no difference in the level of achievement of the implementation of interview simulation with gender among students. Mock interview activities as a lecturer strategy to improve students' employability skills is an important criterion to enable them to gain a place in the job market in the future. Thus, through this study it can be seen that students have self-awareness in career readiness. Meanwhile, the top management and academics of Tawau Community College also play an important role in fostering student career development.

Keywords: mock interview, employability skills, Kolej Komuniti Tawau

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian bagi pelaksanaan aktiviti *mock interview* atau simulasi temu duga sebagai kaedah meningkatkan kemahiran keboleherjaan (employability) dan persediaan kerjaya pelajar di Kolej Komuniti Tawau. Simulasi temu duga merupakan salah satu inisiatif pengkaji sebagai pensyarah mata pelajaran umum MPU 1231 Kemahiran Insaniah untuk sesi pengajian Disember 2019. Seramai 110 orang yang mengikuti kursus MPU 1231 Kemahiran Insaniah menjadi responden kajian. Pelaksanaan simulasi temu duga memainkan peranan penting sebagai indikator untuk meningkatkan seterusnya memperbaiki kemahiran keboleherjaan pelajar dalam persediaan dan pembangunan kerjaya mereka selepas tamat pengajian. Instrumen kajian ini merupakan satu set soal selidik yang mempunyai 10 item. Kebolehpercayaan instrumen kajian telah diuji dalam satu kajian rintis terdahulu dengan menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu $\alpha=0.90$. Selanjutnya,

data yang telah diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science, Version 24.0) untuk mendapatkan analisis deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan pencapaian pelaksanaan simulasi temu duga adalah tinggi iaitu nilai skor min 4.24. Walau bagaimanapun, melalui analisis ujian-*t* didapati tiada perbezaan tahap pencapaian pelaksanaan simulasi temu duga dengan gender dalam kalangan pelajar. Aktiviti simulasi temu duga sebagai strategi pensyarah untuk meningkatkan kemahiran kebolehkerjaan pelajar merupakan satu kriteria yang penting untuk membolehkan mereka memperoleh tempat di pasaran pekerjaan kelak. Justeru, melalui kajian ini dapat dilihat bahawa para pelajar mempunyai kesedaran sendiri dalam kesediaan kerjaya. Sementelah itu, pihak pengurusan tertinggi dan akademik Kolej Komuniti Tawau turut memainkan peranan penting dalam memupuk pembangunan kerjaya pelajar.

Kata kunci: *Mock interview*, kemahiran kebolehkerjaan pelajar, Kolej Komuniti Tawau

1.0 Pengenalan

Dewasa ini peningkatan bilangan lulusan atau graduan menjadikan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan semakin sengit. Setiap pelajar menginginkan suatu kerjaya yang dapat menjamin kehidupan pada masa hadapan. Pembangunan kerjaya bukanlah suatu perkara yang mudah dan seseorang itu lazimnya akan dipengaruhi oleh pengetahuan serta faktor-faktor yang ada di persekitarannya. Program pembangunan kerjaya yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi memberi peluang pelajar untuk berkembang maju dalam kerjaya. Seseorang pelajar atau individu yang mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi akan merancang pelbagai strategi dalam membantu perkembangan kerjaya.

Pertumbuhan ekonomi dan industri Malaysia bergantung kepada keupayaan untuk mempertahankan kadar produktiviti yang tinggi dan berdaya saing di antarabangsa. Daya saing dan produktiviti industri pula bergantung kepada tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan bermotivasi tinggi. Pelaburan dalam modal insan sangat kritikal untuk menjadikan ianya sebuah negara maju di Malaysia (Mustapha, 2013). Di samping itu, Malaysia perlu meningkatkan modal sosial dan kapasiti masyarakat. Teknologi kini mengalami perubahan pesat dan memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang tinggi untuk memenuhi keperluan dan kehendak industri (Taylor, 2005). Namun begitu terdapat jurang antara identiti graduan yang dihasilkan oleh institusi dengan yang dikehendaki oleh majikan, bukan sahaja dari sudut kesediaan pekerjaan tetapi kemahiran employability atau lebih dikenali sebagai kemahiran kebolehkerjaan (Freudenberg, Brimble & Cameron 2011). Rasul et al. (2012) menyatakan bahawa kemahiran kebolehkerjaan merupakan suatu kemahiran yang sangat diutamakan oleh majikan untuk lulusan teknikal.

2.0 Latar belakang kajian

Aktiviti simulasi temu duga atau simulasi temu duga bertujuan untuk memberi latihan kepada pelajar. Latihan percakapan biasanya menyerupai wawancara sebenar memberikan pengalaman kepada pelajar. Proses simulasi

temu duga ini boleh dirakam untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar atau calon. Tymon, Harrison & Batistic (2019) menyatakan bahawa simulasi temu duga adalah suatu bentuk temuramah rasmi untuk pelajar dalam memohon pekerjaan secara simulasi. Melalui pelaksanaan simulasi temu duga, para pelajar yang terlibat sebagai pencari pekerjaan atau calon mengalami keseluruhan proses temuduga. Secara tidak langsung, pelajar mempunyai pengalaman praktikal dalam sesi temuduga. Hal ini seterusnya akan meningkatkan kemahiran kebolehkeraan para pelajar yang menjadi keutamaan majikan dalam dunia pekerjaan sebenar. Pada masa kini, majikan sangat mengambil berat tentang kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh graduan seiring dengan kepentingan kemahiran teknikal (Syed Hussain, 2005; Rasul, Abdul Rauf, Sulong & Mansor, 2012).

Kolej komuniti merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang menjadikan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) sebagai wacana utama perlu memainkan peranan penting untuk menghasilkan graduan berilmu dan berkemahiran tinggi bagi menangani perubahan ekosistem pendidikan tinggi. Oleh itu, selaras dengan visi untuk menjadi peneraju TVET yang unggul, pihak pengurusan kolej komuniti perlu berusaha menjadikan kolej komuniti sebagai satu institusi unggul dalam menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak majikan serta pasaran kerja. Kolej komuniti menawarkan latihan vokasional dan teknikal serta pembelajaran sepanjang hayat sebagai satu indikator membangunkan masyarakat tempatan menjadi berpengetahuan dan terlatih, seterusnya memenuhi permintaan dunia pekerjaan. Graduan yang diingini oleh majikan pada masa kini ialah mereka yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran kebolehkeraan. Seajar dengan itu, aktiviti simulasi temu duga yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Tawau menjadi strategi untuk membantu pelajar memahami pengetahuan dan maklumat berkaitan kerjaya, menguasai kemahiran kebolehkeraan serta memperoleh pengalaman relevan dalam pembangunan kerjaya.

2.1 Pernyataan masalah

Mata pelajaran umum MPU 1231 Kemahiran Insaniah merupakan salah kursus wajib yang perlu diambil dalam sesi pengajian untuk semua pelajar kolej komuniti. Pada dasarnya, kemahiran insaniah merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam dunia pekerjaan dalam era globalisasi ini. Sebagai salah satu institusi TVET, Kolej Komuniti Tawau perlu memastikan bakal graduan yang dihasilkan mempunyai kemahiran kebolehkeraan yang tinggi untuk membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerja. Penguasaan kemahiran kebolehkeraan dalam kalangan pelajar merupakan isu yang kritikal bagi sesebuah negara dan juga institusi pendidikan tinggi (Saunders & Zuzel, 2010; Husain, Rasul, Mustapha, Malik & Rauf, 2013). Perubahan dan persaingan yang berlaku dalam dunia pekerjaan kini memerlukan institusi pendidikan menyediakan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran kebolehkeraan bagi memenuhi kehendak dunia pekerjaan.

Azam (2007) menyatakan bahawa kemahiran insaniah merangkumi tiga unsur iaitu kemahiran, kecekapan dan ketrampilan. Oleh itu, Kementerian Pelajaran telah menyusun pelbagai strategik dan program dalam bidang pendidikan untuk memastikan guru dan pensyarah dapat menerap dan membina kemahiran ini di dalam setiap diri pelajar. Penerapan dan pembinaan kemahiran insaniah ini telah dilakukan di peringkat sekolah, pusat latihan teknik dan vokasional, institusi pengajian tinggi, kolej-kolej dan juga pihak swasta (Azam, 2007). Selanjutnya, kemahiran insaniah juga telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran dalam beberapa matapelajaran dan juga program yang dijalankan di sekolah (Umi Nadiha, Zamri & Jamaludin 2011). Menurut Musliha (2011), Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan lapan elemen Kemahiran Insaniah yang perlu diterapkan dan dibangunkan kepada pelajar iaitu;

- a. Kemahiran komunikasi
- b. Kemahiran menggunakan teknologi maklumat
- c. Kemahiran merancang dan mengelola aktiviti
- d. Kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan
- e. Kemahiran menyelesaikan masalah
- f. Kemahiran mengurus, memilih dan menganalisa maklumat
- g. Kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik
- h. Kemahiran memahami budaya

Pengajaran dan pembelajaran MPU 1231 Kemahiran Insaniah di Kolej Komuniti Tawau dilaksanakan selama 14 minggu mengikut silibus dan penaksiran yang telah ditetapkan. Pengkaji merangkap pensyarah kursus sentiasa berusaha untuk meningkatkan pemahaman dan aplikasi pelajar dalam setiap topik yang dibincangkan dalam kursus ini. Lantaran itu, pengkaji telah mempelbagaikan aktiviti kursus MPU 1231 Kemahiran Insaniah dengan melaksanakan *value added* iaitu simulasi temu duga sebagai strategi pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadual 1 menunjukkan topik-topik pembelajaran sepanjang 14 minggu proses pengajaran dan pembelajaran kursus MPU 1231 Kemahiran Insaniah.

Jadual 1: Topik dan CLO MPU 1231 kemahiran insaniah

Topik		Hasil pembelajaran (CLO)
1	Pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat	i. Menerangkan kepentingan kemahiran yang dipelajari iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Kemahiran Pengurusan Maklumat serta Kemahiran Komunikasi. [C1, PLO 1]
2	Kemahiran komunikasi dan kemahiran berfikir	i. Menerangkan kepentingan kemahiran yang dipelajari iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Kemahiran

		Pengurusan Maklumat serta Kemahiran Komunikasi. [C1, PLO 1]
	ii.	Menampilkan kebolehan berkomunikasi dalam pembangunan kerjaya [A2, PLO 5]
	i.	Menampilkan kebolehan berkomunikasi dalam pembangunan kerjaya [A2, PLO 5]
3	Pembangunan kerjaya	ii. Mengurus projek yang dipertanggungjawabkan secara berkesan bersama pasukan. [A5, PLO 5]
4	Kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan	i. Mengurus projek yang dipertanggungjawabkan secara berkesan bersama pasukan. [A5, PLO 5]

Pelaksanaan simulasi temu duga dirancang untuk mencapai hasil pembelajaran kursus (CLO) dalam Topik 2: Kemahiran komunikasi dan kemahiran berfikir dan Topik 3: Pembangunan Kerjaya bagi MPU 1231 Kemahiran Insaniah. Dalam aktiviti simulasi temu duga ini, seramai empat orang pegawai dan pensyarah (termasuk pengkaji) terlibat dalam sesi simulasi temu duga sebagai panel penemuduga. Sebelum aktiviti simulasi temu duga dijalankan, pengkaji telah menerangkan dengan jelas akan subtopik untuk Topik 2 dan 3 dalam sesi PdP selama tiga minggu mengikut rancangan mengajar yang telah dirancang. Dalam sesi proses pengajaran dan pembelajaran tersebut, pengkaji telah memberi fokus kepada aspek berikut;

- a. Kemahiran komunikasi
- b. Sumber maklumat kerjaya yang efektif
- c. Pembangunan resume efektif
- d. Surat permohonan pekerjaan
- e. Temuduga kerjaya

Seterusnya, para pelajar telah dibahagikan mengikut kumpulan yang terdiri daripada tiga orang ahli kumpulan. Setiap kumpulan pelajar telah diberikan dengan iklan pekerjaan yang bersesuaian mengikut program masing-masing. Para pelajar wajib menyediakan resume, surat permohonan pekerjaan, sijil-sijil akademik dan yang berkaitan serta berketrampilan menepati keperluan sesi temuduga sebenar. Satu borang soal selidik disediakan untuk diisi pelajar selepas sesi simulasi temu duga mereka tamat. Semasa sesi simulasi temu duga berlangsung, pengkaji bersama panel penemuduga yang lain akan mencatat perkara-perkara penting berkaitan profesional, imej, kemahiran komunikasi dan keyakinan para pelajar. Selanjutnya, selepas aktiviti simulasi temu duga tamat, pengkaji bersama panel akan membincangkan maklum balas setiap

pelajar. Refleksi atau ringkasan kekuatan dan kelemahan pelajar akan dibincangkan dalam sesi proses pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya.

3.0 Objektif kajian

- a. Mengetahui tahap pencapaian aktiviti simulasi temu duga terhadap peningkatan kemahiran keboleherjaan pelajar.
- b. Mengetahui impak aktiviti simulasi temu duga dalam persediaan kerjaya pelajar.
- c. Mengetahui perbezaan tahap pencapaian aktiviti simulasi temu duga mengikut gender dalam kalangan pelajar.

4.0 Tinjauan literatur

Huss, Jhileek & Butler (2017) telah menjalankan kajian akan kepentingan simulasi temu duga kepada bakal-bakal guru yang akan menamatkan pengajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa simulasi temuduga membantu bakal guru untuk bersedia menghadapi situasi pekerjaan sebenar. Melalui simulasi temu duga yang dilaksanakan, responden telah berjaya meningkatkan keyakinan dalam perkara berkaitan pengurusan bilik darjah apabila bekerja nanti. Hal ini dipersetujui oleh Leahy & Filiatrault (2017) dalam kajian mereka yang mendapati simulasi temu duga membantu bakal graduan untuk bersiap siaga dalam dunia pekerjaan sebenar. Seramai 85 responden bidang elektronik yang terlibat menyatakan bahawa simulasi temu duga dapat menonjolkan kualiti, kemampuan dan pengalaman dalam situasi kerja sebenar. Seterusnya, kajian yang telah dilaksanakan oleh Sidebotham, Walters, Baird & Gamble (2019) mendapati bahawa aktiviti simulasi temu duga memberi gambaran sebenar situasi temu duga pekerjaan sebenar kepada pelajar. Kajian ini telah dijalankan melalui kaedah tinjauan, kumpulan fokus dan wawancara individu untuk memperoleh data atau maklum balas keberkesanan pendekatan simulasi temu duga ini ke atas responden. Responden kajian terdiri daripada pelajar tahun akhir sarjana muda kejururawatan (perbidanan) di beberapa universiti di Queensland, Australia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa simulasi temu duga pekerjaan memberi pengalaman pembelajaran yang berharga, membantu pelajar untuk membuat refleksi, meneroka dan mengembangkan kemahiran yang dicari oleh majikan. Kerjasama dengan rakan perkhidmatan kesihatan membuat proses yang sah yang membolehkan pelajar menerima maklum balas yang relevan dengan dunia praktik sebenar.


Seterusnya, Polaha et al. (2019) telah melaksanakan kajian eksperimen terhadap para pelajar yang mengikuti program simulasi temuduga. Dalam kajian ini, responden telah dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan tidak diberi sebarang intervensi berbanding responden kumpulan rawatan yang mengikuti latihan serta tatacara temu duga secara intensif. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa responden yang mengikuti intervensi mempunyai kemahiran keboleherjaan

yang lebih tinggi semasa pelaksanaan simulasi temuduga. Selain itu, data kajian turut menyatakan bahawa responden lelaki dan perempuan mempunyai keinginan yang tinggi untuk meningkatkan kemahiran keboleherjaan. Lantaran itu, dapat dilihat di sini bahawa program pembangunan kerjaya seperti simulasi temu duga membantu pelajar dalam memberi gambaran situasi sebenar dunia pekerjaan. Buckley, Karr, Nisly dan Kelley (2018) menyatakan bahawa aktiviti simulasi temu duga meningkatkan tahap keyakinan dan persediaan kerjaya pelajar. Hal ini adalah berdasarkan kajian ke atas 59 pelajar farmasi tahun akhir di American College of Clinical Pharmacy yang mengambil bahagian aktiviti simulasi temu duga dan menyelesaikan soal selidik kajian pra-sesi. Tinjauan elektronik pasca aktiviti telah dihantar kepada responden untuk menentukan persepsi mereka akan pengaruh sesi simulasi temu duga terhadap pencapaian objektif kajian. Analisis menunjukkan bahawa 88% (n=52) responden sebulat suara bersetuju aktiviti simulasi temu duga meningkatkan tahap keyakinan dan kemahiran keboleherjaan mereka selepas pelaksanaan aktiviti tersebut. Koenigsfeld, Wall dan Miesner (2012) menjalankan kajian yang melibatkan 28 pelajar program farmasi untuk menentukan impak aktiviti simulasi temu duga dalam meningkatkan persediaan dan pembangunan kerjaya mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 82.5% (23 orang dari 27 orang) bersetuju akan faedah simulasi temu duga dalam pembangunan kerjaya dan persediaan menghadapi situasi pekerjaan sebenar. Di samping itu, 95% responden menyatakan bahawa simulasi temu duga membantu dalam meningkatkan kemahiran keboleherjaan graduan. Dapat dilihat bahawa kajian ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian aktiviti simulasi temu duga adalah tinggi dalam meningkatkan kemahiran keboleherjaan dan persediaan kerjaya pelajar program farmasi.

H₁ Terdapat perbezaan tahap pencapaian aktiviti simulasi temu duga dalam kalangan pelajar mengikut gender.

4.1 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konsep kajian ini bertindak sebagai sumber panduan kepada penyelidik dalam meneliti konstruk yang terlibat dalam kajian untuk mengenal pasti tahap pencapaian bagi pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga sebagai kaedah meningkatkan kemahiran keboleherjaan (employability) pelajar di Kolej Komuniti Tawau. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang menggambarkan implikasi pelaksanaan simulasi temu duga berdasarkan kemahiran keboleherjaan persediaan kerjaya.




Rajah 1: Kerangka konseptual kajian

5.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif untuk mengenal pasti tahap pencapaian dalam pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga sebagai strategi meningkatkan kemahiran keboleherjaan dan persediaan kerjaya pelajar yang mengikuti matapelajaran umum MPU 1231 Kemahiran Insaniah bagi sesi Disember 2019. Seramai 110 orang pelajar yang mengambil matapelajaran umum MPU 1231 Kemahiran Insaniah untuk sesi pengajian Disember 2019 menjadi responden kajian ini. Responden terdiri daripada para pelajar program Sijil Teknologi Elektrik (SKE), Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR), Sijil Sistem Komputer & Rangkaian (SSK) dan Sijil Kulinari (SKU). Penyelidik menggunakan teknik pensampelan rawak mudah dalam pemilihan sampel kajian memandangkan fokus kajian adalah melibatkan pelajar yang mengikut kursus MPU 1231 Kemahiran Insaniah. Metodologi kajian disusun untuk mendapatkan maklumat dan data bagi mencapai objektif dan matlamat kajian seperti yang dijelaskan dalam Rajah 2.

Instrumen kajian ini mempunyai 10 item yang menyentuh aspek kemahiran keboleherjaan dan persediaan kerjaya. Instrumen kaji selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A – Demografi dan Bahagian B – Pembolehubah kajian. Skala pengukuran dalam kajian ini mengadaptasi interpretasi skor min mengikut skala likert daripada Zaihan dan Hilmun (2016) seperti dalam Jadual 2.



Rajah 2: Carta alir proses kajian yang dijalankan

Jadual 2: Interpretasi skor min

Skor min	Interpretasi skor min
1.00 – 1.89	Sangat rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Zaihan & Hilmun (2016)

5.1 Kajian rintis

Pengkaji telah menjalankan satu kajian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan alat ukur soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian rintis ini responden yang dipilih secara rawak mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar. Responden hanya mengambil masa antara 5-10 minit untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Kajian rintis ini melibatkan 20 orang pelajar program Sijil Kulineri (semester 2) yang telah mengikuti kursus MPU 1231 pada sesi pengajian Disember 2018. Penentuan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti ketekalan dalaman item-item yang digunakan. Dapatan analisis nilai kebolehpercayaan soal selidik ini menunjukkan bahawa keseluruhan domain kajian mempunyai aras kebolehpercayaan yang tinggi ($\alpha=0.90$) dan boleh digunakan dalam kajian sebenar seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Nilai pekali kebolehpercayaan kajian

Domain	Bilangan item	Nilai α
Kemahiran keboleherjaan	5	0.906
Persediaan kerjaya	5	0.901
Jumlah	10	0.903

6.0 Analisis data

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian statistik *Statistic Package for the Social Science* (SPSS v24.0). Melalui perisian SPSS ini, penyelidik mengaplikasi dapatan data bagi huraian dalam bentuk frekuensi, peratus serta min. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri pembolehubah dalam kajian ini. Di samping itu, penggunaan jumlah markat digunakan berbanding dengan markat individu. Hal ini disebabkan oleh kesahan dan ketepatannya adalah lebih tinggi berbanding

dengan markat secara individu (Creswell, 2014). Manakala statistik inferensi berfungsi untuk menjelaskan hubungan antara pembolehubah. Pendekatan analisis inferensi membuat andaian umum dari data yang dikutip secara empirikal (Neuman, 2006; Creswell, 2014).

6.1 Analisis deskriptif kajian

Berdasarkan data soal selidik yang telah diperoleh, pengkaji telah menggunakan perisian SPSS untuk menghuraikan hasil dapatan statistik deskriptif. Jadual 4 menunjukkan taburan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4: Demografi kajian ($n=110$)

Perihal Jantina	n	%
Lelaki	82	74.5
Perempuan	28	25.5
<u>Program pengajian</u>		
Sijil Teknologi Elektrik (SKE)	48	43.6
Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR)	34	30.9
Sijil Sistem Komputer & Rangkaian (SSK)	11	10.0
Sijil Kulinari (SKU)	17	15.5

Jadual 5 pula menunjukkan skor min tahap pencapaian aktiviti simulasi temu duga mengikut domain atau konstruk kemahiran kebolehdkerjaan dan persediaan kerjaya. Berdasarkan jadual, dapatan skor min bagi kedua-dua domain kajian ini adalah tinggi iaitu 4.24 dan seterusnya ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga adalah tinggi.

Jadual 5: Profail keseluruhan skor min dan sisihan piawai ($n=110$)

Tahap pencapaian pelaksanaan simulasi temu duga	Min	Sisihan piawai
Kemahiran kebolehdkerjaan	4.31	.886
Persediaan kerjaya	4.40	.804
Keseluruhan	4.24	.591

6.2 Analisis inferensi kajian

Selanjutnya, perbezaan tahap pencapaian pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga mengikut gender diukur menggunakan analisis ujian- t sampel bebas. Analisis ujian- t pada Jadual 6 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan

antara gender iaitu lelaki dan perempuan dalam tahap pencapaian pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga ($t(110)=11.006$, $p\text{-value } 0.896 > 0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis H1 adalah ditolak kerana skor min pelajar lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan dalam tahap pencapaian pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga. Data analisis ini seiring dengan dapatan kajian Joung, Sim dan Lee (2017) yang melibatkan 73 pelajar sains kejururawatan tahun akhir di Kyungdong University, Korea Selatan. Analisis data kajian tersebut menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan dalam tahap pencapaian aktiviti simulasi temu duga mengikut gender. Hal ini adalah keinginan untuk meningkatkan keyakinan dan persediaan kerjaya adalah seiring antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 6: Analisis ujian-*t* sampel bebas perbezaan tahap pencapaian simulasi temu duga mengikut gender ($n=110$)

	n	t	p-value
Lelaki	82	11.006	0.896
Perempuan	28		

7.0 Perbincangan

Dapatan analisis kajian ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian dalam pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga adalah tinggi. Semua pelajar yang terlibat menyatakan bahawa aktiviti simulasi temu duga ini memberi faedah dan bermanfaat untuk meningkatkan kemahiran keboleherjaan dan persediaan kerjaya. Menerusi pelaksanaan simulasi temu duga, para pelajar telah mempelajari kemahiran insaniah dan keboleherjaan seiring dengan kemahiran teknikal untuk persediaan kerjaya apabila berada dalam pasaran pekerjaan kelak.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Lord, Lorimer, Babraj dan Richardson (2019), menyatakan bahawa program simulasi temu duga merupakan satu program pembangunan kerjaya yang berjaya dan sangat penting untuk transisi daripada pendidikan ke pekerjaan.

Halldorai, Souji dan Prabhu (2011) menyatakan bahawa pihak majikan pada masa kini lebih memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah (softskill) berbanding pengetahuan dalam bidang masing-masing. Bahkan perubahan yang ketara dalam banyak aspek kehidupan dari segi sosial, budaya, ekonomi, pendidikan, politik dan lain-lain lagi menuntut pelajar memperluangkan diri dengan kemahiran asas yang diperlukan oleh industri sama ada golongan profesional yang lahir dari universiti tempatan mahupun luar negara, sehinggalah kepada tenaga mahir dan separa mahir yang dilatih oleh pusat-pusat latihan teknikal atau sekurang-kurangnya kemahiran asas yang diperolehi di peringkat sekolah menengah.

Pelaksanaan simulasi temu duga memberi peluang kepada para pelajar untuk memperoleh pengalaman daripada proses simulasi temu duga sebagai

persediaan kerjaya. Inisiatif pengkaji melaksanakan aktiviti seumpama ini menjana pemikiran dan penaaakuan para pelajar akan peri pentingnya kemahiran kebolehkerjaan apabila mereka tamat pengajian kelak. Walau bagaimanapun, kajian ini terbatas kepada para pelajar Kolej Komuniti Tawau yang sedang mengikuti kursus MPU 1231 Kemahiran Insaniah bagi sesi Disember 2019 sahaja. Data yang diperoleh berdasarkan dapatan soal selidik yang telah diberi kepada responden selepas tamat sesi dalam simulasi temu duga. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk pelajar kolej komuniti lain yang terlibat dalam aktiviti atau program akademik melibatkan Topik 2 dan Topik 3 yang terkandung dalam PdP MPU 1231 Kemahiran Insaniah. Namun begitu, pengkaji boleh memanjangkan data analisis kajian ini untuk peningkatan mutu penyampaian PdP untuk matapelajaran MPU 1231 Kemahiran insaniah kepada pihak pengurusan. Hal ini adalah sejajar dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti impak aktiviti simulasi temu duga sebagai strategi atau kaedah meningkatkan kemahiran kebolehkerjaan dan persediaan kerjaya pelajar di kolej komuniti. Di samping itu, pengkaji juga boleh mencadangkan inisiatif program atau aktiviti akademik yang setara dengan simulasi temu duga dalam proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan pembangunan kerjaya serta kemahiran insaniah.

8.0 Kesimpulan

Hasil kajian ini dengan jelas ingin mengenal pasti tahap pencapaian untuk pelaksanaan aktiviti simulasi temu duga sebagai kaedah meningkatkan kemahiran kebolehkerjaan (employability) dan persediaan kerjaya pelajar di Kolej Komuniti Tawau. Data analisis kajian menunjukkan bahawa kedua-dua domain atau konstruk kajian mempunyai tahap pencapaian yang tinggi. Oleh itu, pelaksanaan simulasi temu duga wajar kerana peranannya sebagai pemangkin kepada peningkatan kemahiran kebolehkerjaan. Maklumat kajian ini dapat memberi keyakinan dan tanggapan yang baik dalam kalangan masyarakat berhubung institusi TVET seperti kolej komuniti yang mampu menghasilkan graduan yang berpotensi tinggi. Selain itu, kajian ini juga membantu pihak pengurusan dan akademik Kolej Komuniti Tawau untuk merancang pelbagai program berteraskan kemahiran kebolehkerjaan dan kerjaya agar dapat membantu bakal-bakal graduan mendapat tempat di alam pekerjaan.

Rujukan

- Azam Awang. 2007. Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru kejuruteraan di sekolah menengah teknik di negeri Kelantan dan Terengganu. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Buckley. K., Karr. S., Nisly. S. A., & Kelley. K. (2018). Evaluation of a mock interview session on residency interview skills. *Journal in Pharmacy Teaching and Learning*, 10(4), 511-516.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. (Thousand Oaks, Ed.) (3rd ed.). Sage Publications.
- Freudenberg, B., Brimble, M., & Cameron, C. (2011). WIL and generic skill development: The development of business students' generic skills through workintegrated learning. *Asia-Pacific Journal of Cooperative Education*, 12(2), 79-89.
- Halldorai, K., Souji, G., & Prabhu, R. (2011). Analysis of competencies gap between management education and employability stake, Special reference to MBA students in self-financing institutions in Coimbatore district, India. *International Journal for Business, Strategy & Management*, 1(1), 1-10.
- Husain, M. Y., Rasul, M. S., Mustapha, R., Malik, S. A., & Rauf, R. A. A. (2013). Tahap kemahiran employability pelajar kejuruteraan dari perspektif majikan. *Jurnal Teknologi*, 62(1), 31-39.
- Huss, R., Jhileek, T., & Butler, J. (2017). Mock Interviews in the Workplace: Giving Interns the Skills They Need for Success. *The Journal of Effective Teaching*, 17(3), 23-37.
- Joung, H.Y., Sim, S.S., & Lee, S.B. (2017). Effect of the convergent mock interview program on the program demand, career attitude maturity, job preparation stress. *Journal of the Korea Convergence Society*, 8(9), 59-65.
- Koenigsfeld. C.F, Geoffrey C. Wall G.C., & R. Miesner. A. R. (2012). A Faculty-Led mock residency interview exercise for fourth-year doctor of pharmacy students. *Journal of Pharmacy Practice*, 25(1), 101-107.
- Leahy, R. L., & Filiatrault, A. (2017). Employers' Perceptions of the Benefits of Employment Electronic Portfolios. *International Journal of ePortfolio*, 7(2), 217-223.

- Lord, R, Lorimer, R, Babraj, J., & dan Richardson, A. (2019). The role of mock job interviews in enhancing sport students' employability skills: An example from the UK. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education*, 25, 1-10.
- Mustapha, R. (2013). Transforming Education toward K-Economy in Malaysia. *International Journal for Educational Studies*, 6(1).
- Polaha, J., Click, I., Cross, B., Welch, A., Hess, R., dan Burchette, J. (2019). A mock job interview to assess an interprofessional education program. *Journal of Interprofessional Education & Practice*, 15, 94-99.
- Rasul, M. S., Abdul Rauf, R. A., Sulong, B., & Mansor, A. N. (2012). Kepentingan kemahiran kebolehkerjaan kepada bidang teknikal. *Jurnal Teknologi Univertisi Teknologi Malaysia*, 59, 93-101.
- Sidebotham, A., Walters, C., Baird, K., & Gamble, J. (2019). *Simulated employment interviews: A collaborative approach to gaining understanding of the graduate midwife employment process*. *Women and Birth*, 33(5), 455-463.
- Taylor, A. (2005). What employer look for: The skills debate and the fit with youth perceptions. *Journal of Education and Work*, 18(2), 201-218.
- Tymon, A., Harrison, C., Batistic, S. (2019). Sustainable graduate employability: an evaluation of 'brand me' presentations as a method for developing self-confidence. *Journal Studies in Higher Education*, 45(9), 1821-1833.
- Umi Nadiha, M.N., Zamri, M., & Jamaludin, B. (2011). Penerapan kemahiran generik dalam pelajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 71-84.